



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Pertandingan Fotografi: **KEMERDEKAAN**

Sempena:
Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025



TERBUKA KEPADA SEMUA
WARGANEGARA MALAYSIA

Tarikh Akhir Penyertaan:
7 SEPTEMBER 2025



TEMPAT PERTAMA : RM500
TEMPAT KEDUA : RM300
TEMPAT KETIGA : RM150

Sila imbas
Kod QR untuk
maklumat
lanjut dan
syarat-syarat
penyertaan:



Hubungi: **03-26871818**
(Urus setia Pertandingan)



SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN FOTOGRAFI
SEMPENA SAMBUTAN KEMERDEKAAN 2025

1. Adalah dimaklumkan bahawa satu **Pertandingan Fotografi** sempena sambutan Kemerdekaan Tahun 2025 akan dianjurkan dengan tema “**Rukun Negara Teras Perpaduan**”.
2. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia menghayati serta menzahirkan kepentingan lima prinsip Rukun Negara dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu dan harmoni melalui medium fotografi.

2.1 Tema Pertandingan

Tema pertandingan ialah "Rukun Negara Teras Perpaduan". Gambar mestilah menggambarkan fokus bagaimana prinsip Rukun Negara membantu membentuk masyarakat yang bersatu dan harmoni.

2.2 Kelayakan Penyertaan

- (i) Terbuka kepada semua rakyat Malaysia.
- (ii) Setiap peserta hanya boleh menghantar maksimum dua (2) keeping gambar sahaja.

2.3 Kaedah Penyertaan (Fizikal)

- (i) Gambar perlu dicetak dalam saiz 4R (4" x 6")
- (ii) Gambar hendaklah dilekatkan pada kertas *mounting* berwarna hitam atau putih bersaiz A4.
- (iii) Di belakang *mounting*, peserta dikehendaki menulis maklumat berikut:
 - (a) Nama penuh peserta
 - (b) Umur
 - (c) Nombor kad pengenalan
 - (d) Tajuk gambar
 - (e) Nombor telefon
 - (f) Keterangan ringkas gambar (tidak melebihi 50 patah perkataan)

3. Spesifikasi Gambar

- (i) Gambar mestilah merupakan hasil karya asli peserta.
- (ii) Gambar boleh diambil menggunakan kamera digital atau telefon pintar.
- (iii) Gambar tidak dibenarkan mengandungi unsur politik, perkauman, lucah, atau provokatif.
- (iv) Gambar juga tidak boleh mempunyai *watermark* atau logo syarikat.

- (v) Suntingan asas seperti pencahayaan dan kontras dibenarkan, namun manipulasi digital secara berlebihan tidak dibenarkan.
- (vi) Peserta adalah dilarang menggunakan sebarang aplikasi berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) termasuk *ChatGPT*.

4. **Penghantaran Gambar**

Gambar yang telah dicetak hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Urus Setia Pertandingan Fotografi

Unit Terbitan Bersiri, Aras 6 Bangunan Menara Perpustakaan Negara Malaysia

232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

5. Tarikh akhir penghantaran adalah **pada 31 Ogos 2025**.

6. Penilaian Gambar akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

- (i) Kesesuaian dengan tema
- (ii) Komposisi dan kreativiti
- (iii) Kualiti cetakan dan persembahan fizikal

Penilaian akan dibuat oleh penganjur dan keputusan adalah **muktamad**.

7. **Cara Penghantaran:**

- (i) Gambar perlu dihantar melalui **pos berdaftar** ke alamat penganjur.
- (ii) Gambar hendaklah dimasukkan ke dalam bekas yang **tidak mudah rosak**, seperti sampul keras atau tiub khas cetakan.

8. **Hadiah Pertandingan**

- (i) Tempat Pertama: RM500 x 1 pemenang)
- (ii) Tempat Kedua: RM300 x 1 pemenang)
- (iii) Tempat Ketiga: RM150 x 1 pemenang)

Dengan menyertai pertandingan ini, peserta memberikan kebenaran penuh kepada pihak Perpustakaan Negara Malaysia untuk menggunakan, menyimpan, menerbitkan, mempamerkan serta menyebarkan gambar yang dihantar bagi tujuan promosi, dokumentasi, laporan tahunan, media sosial, atau sebarang penerbitan rasmi perpustakaan, tanpa sebarang bayaran atau notis tambahan.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Urus Setia Pertandingan melalui e-mel mohdhisam@pnm.gov.my / suzana@pnm.gov.my / nurfarisha@pnm.gov.my atau nombor telefon (pejabat): 03-2687 1818.

Sekian, terima kasih.